

**Sertai Politik Bukan Untuk Wujudkan Dinasti Dr Mahathir, Kata Mukhriz Bernama
19 Sept, 2013**

ALOR SETAR, 19 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir berkata kehadiran beliau dalam politik negara bukan bertujuan untuk mewujudkan dinasti bapanya Tun Dr Mahathir Mohamad, yang menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun, tetapi kerana minat beliau sendiri.

Katanya, malah beliau pernah disekat daripada melibatkan diri dalam politik oleh bapanya ketika Dr Mahathir memegang tampuk kepimpinan negara dan UMNO.

"Kalau benar beliau hendak wujudkan dinasti, awal-awal lagi semasa zaman beliau presiden parti dan perdana menteri (keempat) selama 22 tahun, beliau boleh menarik abang saya, (Datuk) Mokhzani dan saya untuk didedahkan kepada politik dan pentadbiran kerajaan

"Saya akui 'bin' saya memang menarik perhatian. Ia juga menaikkan saya ke satu imej tertentu kerana beliau (Tun Dr Mahathir) menjadi pemimpin untuk tempoh yang lama dan beliau masih ada sokongan yang kuat.

"Saya seronok dapat meneruskan apa yang beliau perjuangkan tetapi saya ada idea-idea saya sendiri," katanya pada sidang media selepas mengumumkan hasratnya bertanding jawatan Naib Presiden UMNO pada pemilihan parti Oktober ini.

Beliau mengumumkan hasratnya itu pada majlis memperkenalkan calon-calon dari Kedah bagi pemilihan UMNO di peringkat pusat di kediaman rasmi Menteri Besar Kedah, Seri Mentaloon di Alor Setar, Khamis.

Mukhriz yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah berkata ketika ini sudah ada di kalangan rakyat dan perwakilan UMNO yang mula menilai keupayaan beliau sendiri untuk mentadbir dan memikirkan strategi demi kelangsungan parti.

Sementara itu, katanya beliau akan mengisi borang untuk bertanding jawatan Ketua UMNO Bahagian Jerlun pada pemilihan bahagian itu setelah diberi laluan oleh penyandang Datuk Abu Hasan Sarif.

"Datuk Abu Hasan maklumkan saya bukan bertanding tetapi penyerahan jawatan daripada beliau kepada saya. Kami (UMNO Kedah) percaya penuh kepada perpaduan kerana menerusi perpaduan kami memenangi semula negeri ini.

"Beberapa daripada 'kawasan' kami, saya akui wujud sedikit perpecahan sebelum ini tetapi menjelang pilihan raya umum lepas kami berjaya menyelesaikannya, mengenyepikan semua perbezaan pendapat dan berjuang sebagai satu barisan bersepadu serta ianya membuahkan hasil," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978997>